

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Bersyukur ke hadrat Illahi kerana kini Asrama SMKA Sharifah Rodziah telah melangkah setapak lagi ke era teknologi maklumat dengan terbinanya laman web ini.

Salah satu hasrat kami ialah memberi cabaran kepada kita semua untuk menerokai pelbagai teknologi yang sedia ada dengan memperkenalkan laman web ini. Dengan terbinanya laman web ini, sedikit sebanyak kita telah berjaya merealisasikan hasrat tersebut. Saya amat berharap dengan adanya laman web ini akan memudahkan kita untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita bagi melahirkan insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Saya juga berharap kepada semua pihak agar dapat memanfaatkan kemudahan ini semaksimum yang mungkin. Sekian terima kasih..